



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 50/2021 dari 12 Disember hingga 18 Disember 2021)

Pada minggu ke-50, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 32 kes (5.9%), menjadikan jumlah kes 572 berbanding 540 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-50. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 25,161 kes berbanding 88,074 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 62,913 kes (71.4%), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 19 kematian berbanding 141 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 122 kematian (86.5%) **(Lampiran A & C)**. Terdapat penurunan jumlah lokaliti hotspot menjadikan sembilan (9) lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-50 berbanding 10 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak lapan (8) lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor dan satu (1) lokaliti hotspot di Negeri Kedah. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 28 kes pada minggu ke-50 yang mana masing-masing 12 kes dari Selangor dan WPKL & Putrajaya serta masing-masing dua (2) kes dari Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 1,393 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 1,525 sampel darah dan 32 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Bagi individu dan keluarga yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) semasa kejadian banjir di beberapa kawasan di Lembah Klang dan beberapa buah negeri baru-baru ini, langkah-langkah pencegahan jangkitan denggi perlu dilaksanakan segera apabila kembali ke kediaman masing-masing. Lupuskan segala bekas-bekas yang tidak terpakai di persekitaran rumah untuk mengelakkan daripada menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Selain itu, lakukan semburan aerosol di dalam rumah bagi membunuh nyamuk dewasa yang mungkin membawa virus denggi dan menyebabkan demam denggi. Sekiranya ada individu atau anggota keluarga yang menunjukkan gejala demam panas, sakit kepala, sakit otot/ sendi, muntah atau sakit belakang mata yang kuat, jangan bertangguh dan segera dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan terdekat. Pelihara diri, keluarga dan komuniti dari ancaman denggi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
24 Disember 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 49 dan ke- 50 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 50 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-50 tahun 2021

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 50/2021
(12 Disember hingga 18 Disember 2021)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 50/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 50/2020	
		Minggu 50 (12 Disember – 18 Disember 2021)		Minggu 49 (5 Disember – 11 Disember 2021)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	0	0	0	0	20	0	80	0
2	Kedah	18	0	16	0	560	1	761	0
3	P. Pinang	8	0	5	0	387	0	1,007	2
4	Perak	6	0	3	0	534	1	2,621	3
5	Selangor	356	0	318	0	15,010	2	43,581	37
6	WP KL & Putrajaya	45	0	50	0	2,982	2	10,366	7
7	N. Sembilan	19	0	16	0	609	1	2,837	9
8	Melaka	16	0	11	0	591	0	2,748	8
9	Johor	33	0	31	0	1,710	5	11,267	42
10	Pahang	2	0	11	0	421	2	3,142	8
11	Terengganu	3	0	3	0	47	0	392	0
12	Kelantan	5	0	7	0	215	0	3,838	7
13	Sarawak	16	0	12	0	395	0	1,488	2
14	Sabah	45	0	57	0	1,675	5	3,939	16
15	WP Labuan	0	0	0	0	5	0	7	0
	MALAYSIA	572	0	540	0	25,161	19	88,074	141

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 50/2021
(12 Disember hingga 18 Disember 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Armanee Kondo	23	77
2	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 4 Bandar Rinching	16	59
3	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Apt Lestari	20	54
4	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Saujana Emas	13	44
5	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TKP 21-32 Taman Kantan Permai	11	42
6	SELANGOR	Petaling	E9. KT SS 3(Teres 1) [Jln SS 3/41, 41a, 43, 45, 47, 49, 51, 53, 55, 57, 59, 59A-D, 59F]	12	38
7	KEDAH	Kulim	Taman Ria	34	35
8	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJU 1A PPRT Lembah Subang 2 (Blok A-E)	17	34
9	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 17 (Flat Jln 17/2 @ 17/24 @ 17/26 : Blok 1-10)	5	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 50/2021 (18 Disember 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Perlis	Kangar	3	3
2.	Johor	Batu Pahat	1	97
		Johor Bahru	17	
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	33	
		Tangkak	40	
		Baling	5	
3.	Kedah	Kota Setar	15	139
		Kuala Muda	90	
		Kulim	24	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
		Bachok	1	
4.	Kelantan	Gua Musang	1	55
		Jeli	1	
		Kota Bharu	30	
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	3	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	2	
		Tumpat	13	
		Alor Gajah	5	
5.	Melaka	Jasin	1	28
		Melaka Tengah	22	
		Seremban	17	
6.	Negeri Sembilan	Rembau	1	19
		Tampin	1	
		Batang Padang	1	
7.	Perak	Kampar	2	180
		Kinta	10	
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
		Barat Daya	38	
8.	Pulau Pinang	SP Selatan	1	75
		SP Tengah	3	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	27	

9.	Selangor	Gombak	177	321
		Hulu Langat	80	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	
		Petaling	6	
		Sepang	7	
10.	WP Kuala Lumpur	Cheras	51	476
		Kepong	176	
		Lembah Pantai	63	
		Titivangsa	186	
JUMLAH KUMULATIF			1,393	